

**KENYATAAN TENDER
(KHAS UNTUK BUMIPUTERA)**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada pembekal **Bumiputera** yang berpengalaman, berkeelayakan dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** bagi melaksanakan kerja-kerja berikut:

CADANGAN MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENGUJILARI, MELATIH DAN MENTAULIAH MESIN PENGUJIAN PERABOT BERDASARKAN KEPERLUAN PASARAN AMERIKA UNTUK MAKMAL PUSAT PENGUJIAN PERABOT FITEC (FFTC), BATU CAVES, KUALA LUMPUR.

NO. TENDER	TEMPOH PENJUALAN DOKUMEN	KOD BIDANG	TARIKH, MASA & TAKLIMAT TAPAK	HARGA SENASKAH DOKUMEN	TARIKH TUTUP TENDER
FIT/01/06/2023	03/07/2023 Hingga 17/07/2023	130101 dan 130102	18/07/2023 (Selasa) 10.00 pagi Dewan Seminar FDRC F.I.T Center Sdn. Bhd. Off KM13, Jalan Batu Caves, 68100 Batu Caves, Kuala Lumpur	RM25.00	09/08/2023 Rabu (sebelum 12.00 tengah hari)

2. Pembekal-pembekal hendaklah mengemukakan sijil-sijil berikut yang masih sah tempohnya untuk semakan sebelum dibenarkan membeli dokumen.
- SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA
 - SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA dengan KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA

Satu (1) salinan sijil-sijil di atas (tidak dikembalikan) hendaklah dikemukakan untuk simpanan FITEC. Pembekal hendaklah membawa **cop syarikat semasa menghadiri Taklimat Tender**. FITEC berhak menolak permohonan yang pada tanggapan FITEC tidak layak.

3. Penjualan dokumen tender adalah melalui 'soft copy' sahaja. Dokumen tender akan diserahkan kepada pemilik syarikat melalui e-mel berserta kata laluan semasa urusan pembelian dokumen tender tersebut.
4. Bayaran dokumen tender boleh dibuat secara **BANK DRAF / KIRIMAN WANG / WANG POS** atas nama **F.I.T CENTER SDN. BHD.** Wang ini tidak akan dikembalikan.
5. FITEC tidak akan mengembalikan wang sekiranya terdapat kesalahan atau maklumat yang bercanggah dengan tawaran iklan. Satu (1) pembekal hanya dibenarkan membeli satu (1) dokumen Tender bagi setiap Tender dan mengemukakan satu (1) tawaran Tender sahaja.
6. Dokumen Tender boleh dibeli pada waktu pejabat (10.00 pagi - 1.00 petang) / (2.00 petang - 4.30 petang) Hari Isnin - Khamis, (10.00 pagi - 12.15 tengah hari) / (2.45 petang - 4.30 petang) Hari Jumaat seperti alamat di bawah. Dokumen tawaran Tender tidak akan dijual selepas tempoh masa ini.

7. Wakil syarikat adalah **TIDAK DIBENARKAN** untuk membeli dokumen dan taklimat tapak. Hanya **PEMILIK SYARIKAT / PENAMA** yang dibenarkan semasa taklimat tapak dan membeli dokumen dengan mengemukakan **KAD PENGENALAN dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT dan SIJIL AKUAN PENDAFTARAN SYARIKAT BUMIPUTERA** dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** untuk pegesahan.

8. Semua kos berkaitan dengan Tawaran Kerja di atas adalah menjadi tanggungjawab pembekal.
9. FITEC tidak tertakluk menerima mana-mana tawaran terendah atau sebarang tawaran. FITEC berhak untuk membatalkan atau menunda atau menggantung tawaran di atas secara keseluruhan atau sebahagian sebelum atau selepas tarikh dan masa tutup tawaran tanpa menyatakan sebab di atas keputusan tersebut.
10. Sekiranya pembekal memilih menggunakan perkhidmatan pos berdaftar/kurier, Pembekal hendaklah memastikan dokumen Tender (*hard copy*) yang lengkap selamat tiba pada alamat yang telah ditetapkan sebelum atau pada tarikh tutup Tender dan hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeteri dan bertanda dengan No. Tender dan Tajuk Kerja di sebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender seperti alamat di bawah:

KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF
F.I.T. CENTER SDN. BHD.
OFF KM13, JALAN BATU CAVES,
68100 BATU CAVES,
KUALA LUMPUR.

Pada atau sebelum tarikh tutup tender jam 12 tengah hari

11. Dokumen Tender yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup Tender tidak akan diterima dan ditolak.
12. Pembelian dokumen dan penghantaran Dokumen Tender perlu mematuhi Garis Panduan atau Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia atau Majlis Keselamatan Negara.